

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober/ November 1996

HMA 101 Pengantar Pengajian Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI SEPULUH [10] SOALAN DI DALAM EMPAT [4] HALAMAN.

Jawab SEMUA soalan.

ARAHAN:

- [a] Sila tulis nombor soalan 1 - 10 secara berturutan pada kulit hadapan kertas soalan walaupun ada soalan yang tidak dijawab.
 - [b] Tulisan mestilah mudah dibaca. Jawapan yang sukar dibaca mengakibatkan kehilangan markah.
 - [c] Jawab soalan secara tepat dengan menggunakan bahasa Melayu Tinggi.
1. Ramai sarjana Barat mengkaji asal usul bahasa manusia bermula daripada manusia purba. Daripada hasil kajian mereka maka lahirlah beberapa teori, di antaranya ialah: Teori Tekanan Sosial, Teori Peniruan Bunyi, Teori Seruan, Teori Ding-Dong dan Teori Yo-he-ho. Dengan memberi ulasan secara umum tentang pendapat di atas, kemukakan pula pendapat anda.
 2. Sebelum tertubuhnya Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) pada tahun 1975, Malaysia telah memiliki sistem sebutan bakunya yang sudah mantap yang dikenali sebagai loghat Riau-Johor. Selepas diperkenalkannya sistem sebutan baku yang baru sehingga sekarang ini (1975-1996) hasilnya masih juga belum memuaskan. Bincangkan.

.../2

3. Di dalam kajian morfologi (binaan kata) bahasa Melayu dikatakan bahawa, Imbuhan /meN- /digabungkan dengan Kata Dasar yang bermula dengan huruf t hendaklah huruf t dilenyapkan, seperti: menulis, menempelak, menertawakan.

Sila gabungkan Imbuhan /meN- / dengan Kata Dasar/Terbitan yang disenaraikan dan beri alasan mengapa hasil binaannya sedemikian.

meN- tin	ternak
tadbir	terjemah
taip	terbalikkan
taati	tertawakan
tabik	transkripsikan.

4. Kata Majmuk atau Gabungan Kata di dalam bahasa Melayu ditakrifkan sebagai "Bentuk yang dasarnya terdiri daripada dua morfem bebas atau lebih yang berlainan yang bergabung secara langsung atau dengan menggunakan imbuhan, ditulis: terpisah, serangkai atau diberi tanda hubung" [Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia (1981)].

Dengan takrifan ini sila tulis bentuk (sama ada terpisah, serangkai atau tanda hubung) senarai perkataan yang berikut ini dan nyatakan mengapa anda memilih bentuk sedemikian (untuk setiap perkataan).

jati diri	desasiswa
matahari	tatabahasa
juru nikah	antarabangsa
didalam	sekaligus
olahraga	lalulintas.


5. Perhatikan ayat yang disediakan berikut ini. Sila kelompokkan setiap perkataan ke dalam Kata Nama, Kata Sifat, Kata Kerja dan Kata Tugas berdasarkan golongan yang sama. Beri keterangan bagaimanakah cara anda mencirikan setiap golongan perkataan tersebut.

"Hembusan angin petang membuat jalur-jalur daun palma yang berdiri tegak tinggi di bahagian kanan di depan bangunan, melambai perlahan, diikuti oleh gerakan lembut pepohonan berbunga ungu di dekatnya. Pohon-pohon besar dan tinggi yang tumbuh di sebelah kanan dan belakang bangunan kukuh yang terbuat daripada adunan batu dan simen" (Lagu Musim Bunga, 1993: 1).

6. Pola yang terdapat di dalam ayat selapis bahasa Melayu ialah: FN + FN, FN + FK, FN + FS, FN + FSN, FK + FN + FSN. Sila bina 2 ayat bagi setiap pola yang dikemukakan di atas.
7. Apakah ciri ayat tunggal dan ciri ayat majmuk. Sila kemukakan 5 contoh ayat tunggal dan 5 contoh ayat majmuk.
8. Dua perkara utama di dalam wacana ialah pautan (kohesi) dan paduan (koherensi). Bincangkan dua perkara ini berdasarkan wacana yang dipetik di bawah ini.

“Pulau Mutiara dilihat dari tengah laut sungguh indah dan permai. Beberapa buah bangunan baru yang tinggi dan bangunan lama yang rendah menunjukkan harmonisasi penataan kota yang sedang dibangun dengan giatnya. Keharmonian itu ditambah lagi dengan latar belakang bukit yang menghijau, membuatkan kota di pulau kecil ini bagaikan sebuah lukisan yang cukup menarik” (Azalea, 1992: 1).
9. Apakah yang dimaksudkan dengan “Bahasa sebagai Cerminan Diri?”

10. Sila nyatakan nama alat ujaran berdasarkan rajah yang berikut ini.



Rajah Alat Ujaran

- | | |
|-----------|-----------|
| 1. _____ | 12. _____ |
| 2. _____ | 13. _____ |
| 3. _____ | 14. _____ |
| 4. _____ | 15. _____ |
| 5. _____ | 16. _____ |
| 6. _____ | 17. _____ |
| 7. _____ | 18. _____ |
| 8. _____ | 19. _____ |
| 9. _____ | 20. _____ |
| 10. _____ | 21. _____ |
| 11. _____ | _____ |

--oo00oo--